

RINGKASAN EKSEKUTIF

TAJUK KERTAS KERJA	:	PROGRAM PERAK PRODUKTIF : PROGRAM PENINGKATAN PRODUKTIVITI SEKTOR PERTANIAN (PADI) DAN PROGRAM PENINGKATAN USAHAWAN KE ARAH SMART MANUFACTURING (INDUSTRY 4.0) NEGERI PERAK (LANJUTAN)
TARIKH	:	JUN 2021 HINGGA SEPTEMBER 2021
CADANGAN TEMPAT PELAKSANAAN	:	WILAYAH UTARA (NEGERI PERAK)
KOS YANG TERLIBAT / PERUNTUKAN		PERUNTUKAN DIPOHON : Peruntukan Operasi : Bajet Kerajaan Negeri Perak Jumlah keseluruhan : <u>RM 115,000.00</u>
BAHAGIAN / WILAYAH / UNIT	:	MPC WILAYAH UTARA
OUTCOME		i. Membangunkan projek Perak Produktif dengan membangunkan laporan kajian pertanian Negeri Perak (khusus sektor padi) dan kompetensi mengenai industri 4.0 kepada usahawan. ii. Membentuk rangkaian MPC Wilayah Utara dengan lebih luas dalam Kerajaan Negeri Perak.
IMPAK	:	i. Mewujudkan dan membangunkan garis panduan untuk menjalankan penambahbaikan proses rantai dan strategi peningkatan produktiviti pertanian (padi) Negeri Perak. ii. Meningkatkan kompetensi dan produktiviti usahawan dalam menghadapi perubahan evolusi Industri 4.0 iii. Mewujudkan amalan baik usahawan Negeri Perak, syarikat dan individu contoh yang mempunyai produktiviti dan daya saing tinggi yang boleh dijadikan sebagai tanda aras.
BAKI PERUNTUKAN YANG ADA / TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN	:	
KOMEN / TANDATANGAN PENGURUS PCT	:	

**MAKLUMAN PERMOHONAN KELULUSAN DAN PERUNTUKAN BAGI
MELAKSANAKAN PROGRAM PERAK PRODUKTIF : PROGRAM PENINGKATAN
PRODUKTIVITI SEKTOR PERTANIAN (PADI) DAN PROGRAM PENINGKATAN
USAHAWAN KE ARAH SMART MANUFACTURING (INDUSTRY 4.0) NEGERI PERAK
(LANJUTAN)**

1.0 TUJUAN

Tujuan kertas cadangan ini adalah untuk mendapatkan kelulusan Lembaga Pengurusan MPC bagi MPC Wilayah Utara untuk lanjutan melaksanakan program Perak Produktif iaitu Program Peningkatan Produktiviti Sektor Pertanian (Padi) dan Program ke Arah Smart Manufacturing (Industry 4.0) Negeri Perak seperti yang telah diluluskan melalui BOM Bil.: 235/2021 (tarikh: 23/02/2021).

2.0 LATAR BELAKANG

Kerajaan Negeri Perak melalui Unit Perancang Negeri Perak (UPEN) sedang membangunkan inisiatif peningkatan produktiviti Negeri Perak. Berdasarkan kepada keperluan dan nasihat kepada kerajaan negeri terutama berkenaan produktiviti, Kerajaan Negeri Perak telah melantik MPC Wilayah Utara untuk bersama-sama dalam membangunkan inisiatif tersebut di bawah inisiatif Perak Produktif. Peruntukan sebanyak RM115,000.00 telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri Perak kepada MPC Wilayah Utara dengan pecahan RM 55,000.00 untuk **Program Peningkatan Produktiviti Pertanian, Subsektor Tanaman Tumpuan (padi)** dan sebanyak RM60,000.00 bagi **Program Bengkel Pengenalan Peningkatan Produktiviti dan Bengkel ke Arah Smart Manufacturing (Industry 4.0) yang Efektif** di Negeri Perak. Bagi pembangunan tersebut, MPC Wilayah Utara akan menjalankan program pembangunan produktiviti pertanian dan program kompetensi usahawan mengenai industri 4.0. Antara program yang akan dibangunkan adalah amalan baik dalam pembentukan tadbir urus, dapatan data, kajian menyeluruh sistem pertanian Negeri Perak, pemantauan dan pelaksanaan.

3.0 PELAKSANAAN PROGRAM

Tugas utama yang akan dijalankan adalah merancang, mengenal pasti maklum balas, menjalankan program peningkatan produktiviti dan mencadangkan kaedah

yang lebih efektif dengan menjalankan kolaborasi bersama pemegang taruh yang terlibat bagi penyelesaian permasalahan industri serta membantu memudahcara kaedah-kaedah untuk meningkatkan produktiviti pertanian dan usahawan.

Cadangan lanjutan aktiviti yang dijalankan adalah berikutan keadaan semasa pandemik Covid 19 seperti yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara.

Aktiviti		Feb	Mac	Apr	Mei	Lanjutan			
						Jun	Julai	Ogs	Sept
1.	Membentuk rakan strategik	/							
2.	Promosi dan dapatan maklumat		/	/					
3.	Menjalankan analisa dapatan data		/	/					
4.	Membangunkan konsep keberkesanan projek dan latihan		/	/	/	/	/	/	/
5.	Laporan program dan penambahbaikan				/				/

4.0 ANGGARAN PERBELANJAAN

PERKARA	KUANTITI	HARGA/ SESI (RM)	JUMLAH (RM)	SEBENAR	BAKI
(A) Peruntukan UPEN			115,000.00		
(B) Perbelanjaan					
Pakej Bengkel pertanian (Pakej bengkel termasuk penginapan)	15 pax x 3 siri x 2 malam	350	31,500.00	1,600	29,900
Bahan bengkel pertanian (nota kursus, sijil peserta dan lain-lain)	1 siri	3,000.00	3,000.00	0	3,000
Tenaga pengajar/fasilitator/ Sekretariat / Koordinator Projek / Penyelaras Projek (penyediaan bahan kursus, penyedia laporan dan menjalankan bengkel)	1 pax x 4 siri bengkel	2,000	8,000.00	8,000	0
Bayaran kepada penceramah/speaker (usahawan : 20 sesi /pertanian : 10 sesi)	30 sesi x 2 jam	350	21,000.00	8,400.00	12,600
Bayaran kepada moderator / advisory (usahawan)(per jam)	20 sesi x 2 jam	250	5,000.00	0	5,000
Penulisan Laporan/ artikel	25 muka surat	200	5,000.00	0	5,000

PERKARA	KUANTITI	HARGA/ SESI (RM)	JUMLAH (RM)	SEBENAR	BAKI
Pakar Rujuk	7 sesi x 2 jam	400	5,600.00	0	5,600
Menulis kenyataan media	4 siri	1,000.00	4,000.00	0	4,000
Bahan <i>Nudges</i> (bayaran promosi//poster/brosur/video)	7 siri	1,000.00	7,000.00	0	7,000
Bayaran pakej <i>mobile modem</i> dan pelan data internet	1 langganan	1,800.00	1,800.00	0	1,800
Jumlah Perbelanjaan (B)			91,900.00	18,000	73,900
Hasil Bersih (A)-(B)			23,100.00		

5.0 CADANGAN / SYOR

MPC Wilayah Utara memohon pertimbangan pihak Lembaga Pengurusan MPC (BOM) untuk meluluskan cadangan ini.

Disediakan oleh:

Mohamad Sahril Ahmad Puzi
Pengurus
MPC Wilayah Utara
Tarikh: 31 Mei 2021

Disemak oleh:

Dr. Mazrina Mohd Ibramsah
Pengarah
MPC Wilayah Utara
Tarikh: 31 Mei 2021